

# BREACOL EXPECTORANT FOR ADULT

Guaiifenesin (100mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Breacol Expectorant for Adult
2. Bagaimana Breacol Expectorant for Adult berfungsi
3. Sebelum mengambil Breacol Expectorant for Adult
4. Cara mengambil Breacol Expectorant for Adult
5. Semasa mengambil Breacol Expectorant for Adult
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Breacol Expectorant for Adult
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

## Apakah kegunaan Breacol Expectorant for Adult

Breacol Expectorant for Adult digunakan sebagai ekspektoran untuk melegakan batuk yang disebabkan oleh selsema atau jangkitan saluran pernafasan.

## Bagaimana Breacol Expectorant for Adult berfungsi

Breacol Expectorant for Adult mengandungi *Guaiifenesin* yang bertindak sebagai ekspektoran untuk memudahkan penyingkiran mukus.

## Sebelum mengambil Breacol Expectorant for Adult

- Bila tidak boleh mengambil

**Apabila anda hipersensitif kepada Guaiifenesin atau sebarang bahan kandungan lain dalam rumusan ini.**

- Sebelum mula mengambilnya

Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini.

Pengambilan semasa hamil dan menyusukan anak hendaklah dipertimbangkan berdasarkan manfaat risiko.

Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda hamil atau sedang menyusukan anak.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda sedang mengambil ubat lain.

## Cara mengambil Breacol Expectorant for Adult

- Berapa banyak harus diambil

### DOS:

Dewasa: 12 tahun dan ke atas:

Ambil 2-4 sudu teh (10-20ml) setiap 4 jam seperti yang diperlukan.

- Bila perlu diambil

Ambil **Breacol Expectorant for Adult** Setiap 4 jam apabila perlu.

- Berapa lama perlu diambil

Jika anda batuk lebih daripada seminggu, hubungi doktor anda.

- Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa mengambil **Breacol Expectorant for Adult** ambil ubat ini pada dos berikutnya.

- Jika diambil berlebihan (terlebih dos)

Pengambilan berlebihan boleh menyebabkan loya dan muntah.. Jika anda mengambil ubat ini lebih daripada yang sepatutnya, beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

## Semasa mengambil Breacol Expectorant for Adult

- Perkara yang perlu dilakukan

Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil ubat melebihi dos yang disyorkan.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda ingin mengambil ujian sindrom karsinoid, beritahu doktor yang anda sedang mengambil ubat ini kerana ia boleh mengubah keputusan ujian ini.

Jika simptom berterusan, hubungi doktor anda

## Kesan-kesan sampingan

Breacol Ekspektoran **untuk Dewasa** jarang menyebabkan rasa tidak selesa pada gastrousus dan mengantuk.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara Penyimpanan dan Pelupusan Breacol Expectorant for Adult

- Penyimpanan

- Jangan ambil **Breacol Expectorant for Adult** selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada pembungkus selepas 'Exp'.
- Jangan Simpan Breacol Ekspektoran **untuk Dewasa** di atas suhu 30°C.

- Pelupusan

- Buang botol sebaik sahaja ubat habis atau selepas tamat tempoh.

## Maklumat Lanjut

- Rupa produk

Cecair pekat berwarna kuning jingga, tiada benda asing. Mempunyai bau dan rasa mentol dan aprikot.

- Bahan kandungan

- Bahan aktif: Guaiifenesin
- Bahan tidak aktif: sodium benzoate, potassium sorbate, sodium citrate, menthol, citric acid anhydrous, Saccharin sodium, liquid glucose, caramel liquid, carboxymethyl cellulose, perasa aprikot dan air tulen.

- Nombor MAL:

MAL13115228XC

## Pengilang:

Pharmaniaga Manufacturing Berhad  
11A, Jalan P/1,  
Kawasan Perusahaan Bangi,  
43650 Bangi,  
Selangor, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk:**

A. Menarini Singapore Pte. Ltd.  
B-18-2, Level 18, The Ascent  
Paradigm, No.1, Jalan SS7/26A,  
Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Tarikh kemas kini RiMUP:**

23/05/2017

**Nombor Siri:**

BPFK(R4/1)230517/00109